

kerana kurang bijaksana digunakan bagi mencari  
fikiran umat Islam.

\* \* \*

### **Bernegara**

Tiap-tiap suatu negara mempunyai seorang ketua.

Di dalam negara demokrasi umumnya negara hanya  
sebagai simbol tetapi yang menjalankan pertadbiran  
dan yang berkuasa adalah Perdana Menteri sebagai ketua  
jemaah menteri yang mempertimbang dan melaksanakan  
sesuatu yang berhubung dengan rakyat umumnya – bukan  
hanya daripada rakyat yang menjadi partinya sendiri.

Kedudukan seorang Perdana Menteri yang bernegara  
sendiri tidaklah boleh disamakan dengan setiausaha  
sesuatu tubuh di dalam pertubuhan di dalam menghadapi  
soal keluar dan ke dalam ataupun sebagai ketua menteri  
di dalam sebuah negara yang menjadi anggota sebuah negara  
*federal*. Tanggungjawab seorang Perdana Menteri dalam  
sebuah negara bersifat demokrasi tentu tidak  
bersifat dengan sifat-sifat negara yang diperintah oleh diktator  
kerana seorang Perdana Menteri, di dalam melaksanakan  
tujuannya di dalam negeri-negeri demokrasi itu hendaklah  
melakukan dengan cara kebijaksanaan – jauh daripada  
menggunakan sentimen di dalam menghadapi sesuatu  
suasana terutamanya di dalam negara yang berbilang-berbilang kaum dan  
agama di dalamnya. Hanya negara diktator sahaja yang  
menggunakan sentimen dan kekerasan terhadap sesuatu  
perkara yang tidak disukainya.

Baru-baru ini timbul suatu peristiwa yang  
ditulis oleh seorang penulis rencana khas di dalam  
akhbar Melayu di Kuala Lumpur mengenai dengan perkara  
pendakyah-pendakyah Kristian yang dikatakannya mengumpankan  
wanita-wanita muda untuk menarik orang-orang Islam masuk

Kristian dan memberikan wang-wang bantuan asal mereka  
suka memeluk agama kristian. Tulisan seperti ini  
kita tidak dapat menyertainya dan tidak bersetuju  
dengannya kerana tidak ada bukti-bukti yang menunjukkan kebenarannya  
dengan tepat dan tuduhan-tuduhan yang demikian itu mungkin ada  
dan mungkin tiada tetapi dengan tidak ada keterangan-keterangan  
yang nyata tidaklah boleh dijadikan sebab mendaratkan  
tuduhan kerana boleh menimbulkan perselisihan di antara  
agama-agama yang berbagai-bagai di negeri ini.

Perdana Menteri Singapura telah mengambil berat  
hal ini dan telah memanggil pertubuhan agama-agama di Singapura  
untuk menegur keadaan yang berlaku yang mungkin menerbitkan  
permusuhan perkauman serta boleh menimbulkan huru-hara  
di negara ini. Tujuan-tujuan ini bagus dan patut dipuji  
sekiranya mencari penyelesaian itu tidak dilakukan  
secara umum iaitu tidaklah ia menjadi siaran  
sepenuh-penuhnya seperti yang tersiar di dalam televisyen  
Singapura kerana langkah-langkah yang serupa itu mungkin  
niatnya baik tetapi pada pandangan umum mungkin pula  
sebaliknya dan boleh menimbulkan pandangan bagi pihak  
orang-orang Islam bahawa kerajaan Singapura cuba hendak  
menutup kebebasan berfikir dan kebebasan beragama umat  
Islam di negara Singapura ini, terutamanya kalau  
diperhatikan cara Perdana Menteri Singapura  
mempersoalkan soal itu dengan suatu cara kegarangan  
dan kemarahan seperti yang terlihat dalam televisyen  
dengan tidak menggunakan barang sedikit pun kebijaksanaan  
dalam menghadapi soal-soal yang seperti itu.

Kita tidak sekali-sekali menyertai tulisan yang  
menjadi sebab bahkan kita tidak berkenan kepada tulisan-tulisan  
yang seperti itu tetapi juga kita harus menarik  
perhatian Perdana Menteri di dalam melaksanakan tugasnya  
menghadapi persoalan itu kerana orang melihat bahawa  
keputusan-keputusan yang diambil yang menjadi sentimen yang

disertai oleh empat orang wakil yang dikatakan wakil Islam di majlis itu nampaknya didiktatkan oleh Perdana Menteri dan Perdana Menteri nampaknya dengan perkataan-perkataan yang keras dan kasar telah dihadapkan kepada orang yang berkenaan yang kebetulan ada di majlis itu. Cara-cara yang sedemikian itu sepatutnya tidak dilakukan oleh seorang yang bertanggungjawab kepada sebuah negara telah mengambil suatu perkara yang menimbulkan sesuatu golongan tidak berpuas hati dan seolah-olah menampakkan bahawa dengan siaran televisyen itu umat Islam mempunyai suatu kesalahan dan bersalah dalam masyarakat. Ini terbukti kerana perkara yang sedemikian itu menjadi siaran yang boleh menyenangkan kepada sesuatu pihak dan golongan tetapi boleh pula dipandang, dengan kerana siaran itu, boleh menimbulkan rasa penghinaan kepada umum diterbitkan oleh seseorang yang tidak bertanggungjawab.

Kita berharap Perdana Menteri Singapura menyedari bahawa kedudukan beliau sekarang bertanggungjawab di dalam sebuah negara yang merdeka – bukan sebagai sebuah negeri dan bukan ketua sebuah pertubuhan. Ketua sebuah negara, sebagaimana diakui oleh beliau sendiri mestilah menjaga dan mengawal sama rata di antara puak kecil dan puak besar. Bernegara tidak lagi bersifat melindungi hanya parti sendiri sahaja tetapi melindungi semuanya dan hendaklah menjaga maslahat mereka itu dan menjaga hati mereka untuk menjauhkan perasaan-perasaan tidak puas hati. Tidak puas hati akan timbul kalau dilakukan kekerasan. Rakyat akan tunduk dengan kekerasan yang di belakangnya berdiri kekerasan tetapi hati rakyat tidak dapat ditundukkan dengan kekerasan yang serupa itu. Rakyat akan tunduk hanya kalau digunakan kebijaksanaan ke atas mereka dan rakyat sekali-kali tidak akan dapat dipengaruhi dengan gambar-gambar di sana sini dengan kata-kata yang menjulang tetapi rakyat akan patuh dengan



*Umat Islam Pakistan telah membawa barang sedapat-dapatnya keluar daripada daerah India masuk ke Pakistan kerana berlindung dari keganasan askar-askar India.*

kebijaksanaan dan tutur kata yang halus terutamanya kepada rakyat yang merasa dirinya kecil dan merasa pula menjadi matlamat penindasan-penindasan daripada umat yang lebih berkuasa dan besar daripadanya.

Di dalam sejarah menunjukkan bahawa golongan-golongan yang telah berasa tidak puas hati, walaupun golongannya kecil, yang selalu melibatkan dirinya kepada perkara-perkara yang tidak dikehendaki kerana mereka merasa diperkecilkan dan tidak dapat perendahan yang sewajarnya.

Mudah-mudahan teguran ini mendapat perhatian Perdana Menteri sendiri supaya didapat perasaan cinta-mencintai di antara rakyat kecil atau besar kepada langkah-langkah beliau yang akan datang dalam menuju negara makmur dan kerjasama di antara lain-lain bangsa dan agama di negeri ini.